

TINGKATAN 4: BAB 6

1. Rajah 1 di bawah menunjukkan dua jenis haiwan.



Rajah 1

- (a) Nyatakan sistem sokongan bagi kedua-dua haiwan di atas.

[1 markah]

- (b) Terangkan satu perbezaan antara sistem sokongan gajah dan burung.

[1 markah]

- (c) Terangkan bagaimanakah ciri-ciri rangka burung membantunya untuk terbang.

[2 markah]

- (d) Rangka tulang manakah yang sesuai diaplikasikan dalam pembuatan kenderaan tugas berat seperti trak pengangkat pasir? Jelaskan jawapan anda.

[2 markah]

2. Rajah 2 berikut menunjukkan 2 jenis tumbuhan darat.



A



B

Rajah 2

- (a) Namakan jenis akar tumbuhan di atas.

A :

B :

[2 markah]

- (b) Tumbuhan darat terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu tumbuhan berkayu dan tumbuhan tidak berkayu. Kelaskan tumbuhan di atas.

Tumbuhan berkayu	Tumbuhan tidak berkayu

[1 markah]

- (c) Bagaimanakah tumbuhan B mengekalkan kesegahan akarnya?

.....

[1 markah]

- (d) Berikan satu contoh pokok tumbuhan B.

.....

[1 markah]

- (e) Berikan kelebihan jenis akar tumbuhan B dalam persaingan mendapatkan cahaya matahari dengan tumbuhan A.

.....

[1 markah]

3. Rajah 3 di bawah menunjukkan sendi engsel pada tangan manusia.



Rajah 3

- (a) Namakan P dan Q.

P :

Q :

[2 markah]

- (b) Jelaskan bagaimanakah sendi engsel ini menghasilkan pergerakan?

.....

[2 markah]

- (c) P dan Q bertindak secara berpasangan dan berlawanan antara satu sama lain. Namakan situasi ini.

.....

[1 markah]

- (d) Kecederaan pada tendon boleh berlaku apabila tendon diregangkan berlebihan atau digunakan secara berlebihan. Berikan individu yang berisiko mengalami kecederaan tendon pada sendi engsel ini.

.....

[1 markah]